

10/01/2002

MTEN kemas kini data perbelanjaan pakej rangsangan fiskal

JUMLAH peruntukan pakej rangsangan fiskal RM7.3 bilion yang dibelanjakan sepanjang keseluruhan tahun lalu akan diketahui tidak lama lagi apabila proses bayarannya diselesaikan sepenuhnya, 31 Januari ini.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, berkata pihaknya masih mengemas kini data dan mengumpul maklumat perbelanjaan setiap jabatan dengan mengedarkan borang tuntutan bayaran.

Langkah itu, katanya, bertujuan membolehkan MTEN melakukan analisis terperinci membabitkan jumlah sebenar yang dibelanjakan.

"Proses pembayaran masih dilakukan dan kita sedang melakukan kajian impak berikutan pemberian pakej rangsangan fiskal itu.

"Antaranya untuk menentukan berapa kontraktor menikmati faedah, bilangan pekerja yang terbabit, jumlah bangunan yang dicat, jumlah jualan bahan binaan dan jarak jalan raya dibina serta diturap.

"Semua ini perlu dimaklumkan kepada rakyat kerana kerajaan dapat melaksanakannya dalam tempoh empat bulan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Aidilfitri Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota Persekutuan Kelantan (Maskap) di Dewan Utama Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan, malam semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hanya 50 peratus daripada dua pakej rangsangan fiskal berjumlah RM7.3 bilion yang disalurkan tahun lalu dimanfaatkan.

Mustapa berkata, langkah kerajaan 'menghadihkan' pakej rangsangan itu adalah bagi mengurangkan kesan negatif berikutan kelembapan ekonomi dunia, terutama yang dialami Amerika Syarikat.

Dengan ramalan keadaan akan bertambah baik tahun ini, beliau menegaskan keperluan suntikan bantuan sedemikian tidak sebesar tahun lalu.

"Bagaimanapun, kerajaan akan meneruskan tanggungjawabnya bagi memastikan ekonomi negara bertambah baik," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Mustapa berkata, prospek ekonomi yang lebih positif tahun ini tidak wajar dijadikan alasan untuk semua pihak berasa selesa dan mengurangkan produktiviti.

Katanya, langkah dan tindakan sewajarnya perlu diambil dengan kadar segera untuk memastikan suasana suram dalam pertumbuhan ekonomi dapat diperbaiki bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

(END)